

PERLUASAN KONSEP *AL-RIQAB* DALAM PENGURUSAN ZAKAT: SATU PENILAIAN FIQH

Muhammad Ikhlas Rosele^{a*}, Luqman Hj. Abdullah^b & Amirulhakim Ahmad Nadzri^c

^{a,b}*Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*
^c*Jurusan Syariah, Kolej Islam As-Sofa*

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – JANUARY 4, 2021; REVISED – MAY 19, 2021; ACCEPTED – MAY 19, 2021)

ABSTRACT

Recently, the concept of *al-riqab* has becoming a discussion since its definition has been expanded apart from the context of slave. The expansion of the current concept is seen too far from the understanding of the meaning of *al-riqab* itself. Therefore, this study will examine the concept of *al-riqab* in the discussion of *fiqh* and its reality in Malaysia. Using a qualitative approach, library data will be analyzed based on inductive, deductive and comparative methods. As the result, this study refines the evaluation towards the broadening of *al-riqab* concept from *fiqh* perspectives. Therefore, it is found that the expansion of definition necessitates reassessment and coherent justification to be put forward in order to strengthen the zakat management system in Malaysia.

ABSTRAK

Mutakhir ini konsep *al-riqab* menjadi suatu perbincangan kerana ia diluaskan pengertiannya selain dari konteks hamba. Bahkan perluasan konsep semasa ini dilihat terlalu jauh dengan kefahaman maksud *al-riqab* itu sendiri. Oleh itu, kajian ini akan cuba mengkaji konsep *al-riqab* dalam perbincangan *fiqh* dan realitinya di Malaysia. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, data-data kepustakaan akan dianalisis berasaskan metode induktif, deduktif dan komparatif. Hasil kajian ini mengemukakan penilaian *fiqh* terhadap perluasan konsep *al-riqab*. Oleh itu, satu kajian semula dan justifikasi kepada perluasan ini perlu dikemukakan demi memperkasakan sistem pengurusan zakat di Malaysia.

Kata kunci: Al-Riqab, Perluasan, Penilaian Fiqh, Malaysia

1. Pendahuluan

Pengurusan zakat di Malaysia sewajarnya mendapat pujian, atas usaha yang positif dan sikap progresif dalam mencapai matlamat kecekapan pengurusan dan kualiti. Namun, tidak dinafikan masih wujud ruang-ruang kritikan dan perlu kepada penambahbaikan. Walau bagaimanapun, setiap usaha yang telah dilakukan masih memberi impak positif dan mampu meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat Malaysia khususnya. Dari aspek kutipan, pusat pungutan zakat dilihat mencatatkan peningkatan saban tahun,

* Corresponding author: Muhammad Ikhlas Rosele PhD, Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: ikhlas@um.edu.my

namun dari aspek agihan wujudnya permasalahan yang agak ketara.

Hairunnizam, Sanep & Radiah (2008) menjelaskan bahawa walaupun prestasi kutipan memberangsangkan, namun dari aspek agihan masih wujud banyak isu, perbincangan dan perdebatan. Antara isu yang menjadi topik perbincangan dalam pengurusan zakat di Malaysia adalah seperti masalah kaedah pengagihan, isu asnaf yang layak menerima zakat, masalah kemiskinan yang masih wujud walaupun kutipan zakat yang tinggi serta ketelusan dalam pengagihan zakat.

Hal ini juga disentuh oleh Rosbi & Sanep (2010) yang menyatakan bahawa walaupun agihan zakat dilaksanakan, tetapi masih tidak ada perubahan ketara di antara golongan miskin dan kaya. Di mana golongan miskin masih lagi tidak dapat melepasi tahap kemiskinan. Ini membuktikan peranan zakat dalam merapatkan jurang di antara golongan miskin dan kaya masih belum tercapai.

Namun, persoalan yang menjadi fokus bagi kajian ini adalah dari aspek penentuan asnaf yang layak diberikan zakat. Pada asasnya, terdapat lapan asnaf zakat yang telah diterangkan secara jelas di dalam al-Quran. Akan tetapi penafsiran terhadap asnaf tersebut dilihat menjadi satu perdebatan. Oleh itu, kajian cenderung untuk mengkaji penafsiran asnaf *al-riqab* dalam realiti Malaysia dan melakukan penilaian berasaskan perspektif fiqh.

2. Konsep *Al-Riqab* dalam fiqh zakat

Al-Riqab merupakan salah satu daripada lapan golongan asnaf zakat. Ia secara jelas disebutkan di dalam firman Allah SWT:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ
فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ (60)

Yang bermaksud; Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dipujuk hatinya, untuk (memerdekakan) hamba, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

(Surah al-Tawbah, 9: 60)

Dalam ayat ini jelas menyatakan lapan golongan yang layak menerima zakat iaitu, fakir, miskin, amil, muallaf, hamba, orang yang berhutang, orang yang dalam perjalanan dan pada jalan Allah (berperang). Mujaini Tarimin (2005) membahagikan senarai ini kepada perincian berikut:

1. Agihan berdasarkan keperluan. Ia termasuklah fakir, miskin, hamba, si berhutang dan *ibn sabil*.
2. Agihan berdasarkan pemupukan dan galakan hidup beragama dan moral. Ia termasuklah muallaf dan *fi-sabilillah*.
3. Agihan berdasarkan insentif dan motivasi terhadap pengurus zakat. Ia termasuklah amil.

Al-Riqab dari sudut bahasa adalah berasal daripada perkataan *ra-qa-ba* iaitu mengawasi. Ia juga membawa makna tengkuk, seperti contohnya “keratlah tengkuk musuh kamu dengan pedang”. Oleh itu gambarannya ia membawa makna seseorang yang terbelengu tengkuknya dan merujuk kepada makna hamba (Ahmad Mukhtar, 2008). Merujuk sudut bahasa, nama Allah SWT juga antaranya *al-Raqib* iaitu yang sentiasa menjaga dan mengawasi dan tidak ada terlepas dari penjagaannya suatu pun. *Al-Riqab* pula adalah *al-raqabah* iaitu yang dimiliki jadi ia merujuk kepada hamba, kebanyakan ahli tafsir memberi maksud *al-raqabah* sebagai hamba *al-mukatab* (Ibn Manzur, 2010).

Secara umumnya, maksud asnaf *al-riqab* adalah hamba yang perlu membayar sejumlah wang untuk memerdekakan dirinya. Oleh itu, zakat diberi kepada tuannya untuk membebaskan hamba tersebut. Zakat juga boleh diberi kepada hamba tersebut untuk diserahkan kepada tuannya kelak (Al-Ghazali, 1982; Muhammad Ikhlas & Ummi Farahin, 2018).

Al-Tabari (2001) menjelaskan bahawa ulama berbeza pendapat mengenai maksud *al-riqab*, namun bagi golongan jumbuh, *al-riqab* adalah merujuk kepada hamba *al-mukatab*, iaitu hamba yang dijanjikan pembebasan oleh tuannya sekiranya dia mampu membayar dirinya. Namun, Ibn al-‘Abbas dan al-Hasan menyatakan tidak mengapa membebaskan hamba secara umum menggunakan dana zakat. Hal ini merujuk kepada makna *al-riqab* adalah merangkumi makna hamba secara umum dan *al-mukatab* termasuk di dalamnya (Ibn Kathir, 2000).

Al-Qurtubi (2006) juga membawa penjelasan yang hampir sama, menurut beliau terdapat pendapat yang membenarkan zakat digunakan untuk membebaskan hamba dan tidak terhad kepada *al-mukatab*. Hal ini kerana tujuan pemberian zakat *al-raqabah* dalam ayat tersebut adalah untuk membebaskan hamba keseluruhannya. Menurut pandangan ini juga, *al-mukatab* dalam hal ini adalah masuk dalam kategori *al-gharimin* iaitu orang yang berhutang, oleh itu zakat diberikan kepada mereka atas faktor tersebut. Manakala jumbuh ulama’ seperti Sa’id bin Jubayr, Al-Nakha’i, Al-Zuhri, Al-Layth, Al-Syafi’i berpendapat zakat diberikan kepada golongan *al-mukatab* (Al-Baghawi, 1989). Alasan mereka adalah tujuan zakat adalah diserahkan kepada orang yang memerlukan dan boleh memiliki untuk tujuan tersebut, jadi dalam konteks ini *al-mukatab* adalah memerlukan dan memiliki duit zakat untuk membebaskan dirinya (al-Zuhayli, 1985). Hal tersebut tidak berlaku dalam hamba yang lain, kerana duit zakat tersebut seolah menjadi manfaat tuannya.

Di dalam karya fiqh, makna *al-riqab* jelas tidak terkeluar dari konteks hamba. Al-Nawawi (2008) menjelaskan bahawa makna *al-riqab* adalah hamba *al-mukatab*, begitu juga Al-Malibari (2004) menyatakan zakat diberikan kepada *al-mukatab* yang mana perjanjian kitabah yang sah dan zakat tersebut bukanlah dari tuannya yang boleh mengakibatkan dia masih lagi berada dalam pemilikan tuannya. Al-Bahuti (1997) juga menjelaskan harus menggunakan dana zakat *al-riqab* untuk membebaskan orang Islam dalam tawanan musuh, ia bermaksud membebaskan perhambaan melalui tawanan dan padanya wujud memelihara kemuliaan agama. Zaydan (1993) melakukan pentarjihan mengenai makna *al-riqab* sebagai semua makna hamba yang termasuk di dalamnya *al-mukatab* dan selainnya. Oleh itu, zakat digunakan untuk membebaskan hamba-hamba ini dalam berasaskan pelbagai kaedah pembebasan.

3. Tafsiran *Al-Riqab* dalam realiti di Malaysia

Dalam pengurusan zakat di Malaysia, agihan telah dilakukan secara baik dan mempunyai kaedah dan sistem yang tersendiri. Zakat yang dipungut akan diserahkan kepada asnaf-asnaf yang layak. Namun begitu, dalam realiti Malaysia wujud usaha-usaha untuk meluaskan tafsiran asnaf zakat. Hal ini secara kasarnya patut mendapat pujian kerana dalam rangka memperkasakan sosio-ekonomi umat Islam. Walaupun begitu, hal ini tidak terlepas daripada beberapa penilaian dan persoalan. Kajian ini cenderung untuk menilai apakah asas perluasan tafsiran asnaf khususnya asnaf *al-riqab*.

Azman & Tengku Mansur (2016) telah menyenaraikan tafsiran asnaf *al-riqab* di Malaysia. Rumusan kepada tafsiran tersebut adalah sebagaimana Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Tafsiran *Al-Riqab* Mengikut Negeri di Malaysia

Negeri	Tafsiran <i>Al-Riqab</i>
Johor	<i>Al-Riqab</i> merujuk kepada mereka yang dimiliki oleh tuannya dan ingin membebaskan diri masing-masing.
Kedah	<i>Al-Riqab</i> adalah memerdekakan hamba dan melepaskan muslim yang ditawan oleh orang-orang kafir.
Kelantan	<i>Al-Riqab</i> adalah memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahatan dan terbelenggu dibawah kawalan orang-orang tertentu.
Melaka	<i>Al-Riqab</i> merujuk kepada hamba yang diberikan peluang oleh tuannya untuk menebus atau memerdekakan dirinya tetapi ia tidak mempunyai wang untuk tujuan tersebut.
Negeri Sembilan	<i>Al-Riqab</i> adalah memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahatan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.
Pahang	<i>Al-Riqab</i> adalah memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahatan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.
Perak	Hamba yang dijanjikan oleh tuannya akan mendapat kebebasan dengan bayaran dalam tempoh yang ditentukan.
Perlis	<i>Al-Riqab</i> adalah memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahatan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.
Pulau Pinang	<i>Al-Riqab</i> adalah memerdekakan hamba: termasuk juga untuk melepaskan muslim yang ditawan oleh orang-orang kafir.
Sabah	<i>Al-Riqab</i> ialah seseorang yang ditahan sebagai hamba atau belenggu yang memerlukan bantuan untuk membebaskan dirinya daripada apa-apa tanggungan yang telah dikenakan ke atas dirinya.
Sarawak	<i>Al-Riqab</i> ialah hamba yang dijanjikan oleh tuannya untuk dimerdekakan dengan cara menebus dirinya dengan sejumlah wang. Dan juga, membebaskan kaum muslimin daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi fizikal, mental, kejahatan ataupun terkongkong di bawah penguasaan orang yang zalim.
Selangor	Seseorang yang terbelenggu dibawah sesuatu kuasa atau keadaan yang menjadi hambatan kepada dirinya bagi menjalani kehidupan yang lebih baik.
Terengganu	<i>Al-Riqab</i> adalah memerdekakan orang-orang islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahatan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.

Wilayah Persekutuan	<i>Al-Riqab</i> adalah memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahatan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.
---------------------	--

Sumber: Azman & Tengku Mansur (2016)

Daripada jadual tersebut, dapat diamati bahawa sebahagian negeri cenderung untuk menafsirkan *al-riqab* sebagaimana yang dijelaskan dalam kebanyakan kitab fiqh silam. Manakala sebahagian yang lain seperti negeri Kelantan, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan, Terengganu, Selangor, Sarawak, Perlis dan Pahang telah membuka penafsiran *al-riqab* kepada cengkaman sama ada fizikal mahupun mental. Untuk mengetahui secara umum tentang perluasan tafsiran ini, kajian akan mengemukakan contoh dalam pengurusan zakat di Selangor. Hal ini kerana asas penafsiran yang tidak jauh berbeza antara negeri-negeri yang telah disebutkan.

Dalam fatwa Negeri Selangor yang telah diwartakan, iaitu fatwa “Jenis Penerima Asnaf *al-Riqab* Negeri Selangor dan Apa-Apa Yang Berkaitan Dengannya” telah menyenaraikan golongan yang berhak menerima zakat melalui bahagian *al-riqab*. Zakat tersebut diserahkan melalui perantara mana-mana institusi, pusat, NGO dan individu perseorangan yang dibenarkan. Golongan tersebut adalah seperti berikut:

(1) Masalah Sosial

Iaitu mereka yang terbelenggu dengan masalah sosial seperti terbelenggu dengan dadah (penagih dan bekas penagih dadah), terbelenggu dengan masalah jenayah syariah (minum arak, zina, judi, khalwat, buang anak, mengandung luar nikah dan sebagainya), terbelenggu dengan amalan salah Islam (tidak solat, tidak puasa dan selainnya), terbelenggu dengan gaya hidup songsang (LGBT, pengkid, gigolo dan lain-lain), terbelenggu dengan kes juvana, terbelenggu dengan penyakit kronik.

(2) Masalah Akidah

Iaitu mereka yang terbelenggu dengan masalah syirik dan khurafat dan usaha memurnikan akidah orang Islam yang terpesong.

Secara kasarnya, didapati golongan yang tersenarai ini layak diberi pertolongan dari pelbagai aspek. Bahkan hakikatnya mereka sendiri sedang mencari ruang dan peluang untuk diberi pertolongan agar bebas dari belenggu maksiat dan dosa. Namun begitu, persoalan masih lagi belum terjawab mengenai asas perluasan asnaf ini dan adakah pertolongan ini semestinya menggunakan dana zakat?

4. Penilaian terhadap perluasan tafsiran *Al-Riqab*

Persoalan mengenai asas perluasan tafsiran asnaf merupakan satu polemik dalam perbendaharaan fiqh. Walaupun secara dasarnya dengan perluasan ini terdapat maqasid dan masalah yang boleh dicapai. Akan tetapi persoalannya adakah perspektif maqasid dan masalah ini digunakan secara berhemah atau mempunyai asas yang kukuh. Hal ini menjadi satu perkara yang utama untuk dikemukakan di saat penafsiran asnaf dilakukan. Antara aspek penting yang perlu dititik beratkan adalah parameter untuk menentukan masalah yang mu'tabar dan keselarasannya dengan nas al-Quran mahupun al-hadis.

Dalam tafsiran asnaf *al-riqab* khususnya, Al-Razi (1981) sendiri yang dilihat mempunyai perspektif yang luas dalam perbincangan zakat. seperti menjelaskan kaedah agihan secara pemilikan bagi empat asnaf yang pertama (fakir, miskin, muallaf, dan amil) serta agihan secara tidak langsung kepada asnaf yang lain

(hamba, orang yang berhutang, orang yang bermusafir dan orang yang berperang), Namun beliau tidak terkeluar dalam membahaskan *al-riqab* dari konteks hamba dan pembebasannya. Hal ini mungkin berkait rapat dengan perbahasan “innama” dalam ayat surah al-Tawbah tersebut yang memberi isyarat *al-hasr*, iaitu menghadkan pengagihan zakat kepada asnaf yang lapan tersebut sahaja. Dan zakat tidak boleh terkeluar dari diagihan daripada selain asnaf tersebut.

Kerana terhad dan khususnya asnaf zakat ini, maka zakat tidak diharuskan untuk digunakan bagi tujuan kebaikan lain seperti membina masjid dan sekolah. Oleh itu, zakat tidak boleh diagihkan kepada golongan lain selain mereka, bahkan ianya adalah khusus untuk mereka semata-mata, ini jelas apabila Allah SWT menyenaraikan mereka satu persatu di dalam al-Quran (Al-Fawzan, 2002).

Jadi adakah perluasan asnaf *al-riqab* ini diasaskan dengan makna *lughawinya* iaitu terbelenggu. Perkara ini menimbulkan persoalan adakah makna *lughawi* dijadikan asas qiyas hamba *al-mukatab* dengan asnaf-asnaf lain? Walaupun secara dasarnya, kajian ini tidak menafikan wujudnya ruang ijtihad kerana banyak contoh-contoh ijtihad dalam fiqh zakat seperti ijtihad dalam penentuan jenis zakat pertanian (Al-Qurtubi, 2006; Al-Maqdisi, 1992). Namun, dalam konteks *al-riqab* adakah terbelenggu itu dijadikan asas ataupun ‘illah kepada perluasan. Sedangkan secara asasnya ‘illah tersebut tidak konsisten dan munasabah untuk memenuhi syarat ‘illah dalam perbahasan usul fiqh (Al-Zarkasyi, 1992). Tambahan pula ia bercanggah dengan *shighah* ayat tersebut yang bersifat *al-hasr* (iaitu menyenaraikan untuk tujuan terhad). Pengenalpastian ‘illah yang tepat adalah wajar dalam perbincangan ini kerana ia dapat menentukan kesahan qiyas dan ketepatan sesuatu hukum yang diputuskan.

Sebagai contoh, golongan LGBT mempunyai hak sebagai penerima zakat dalam konteks penafsiran yang luas. Walaupun secara asasnya kita memuji usaha ini untuk memulihkan golongan ini dan ia disalurkan ke pusat pemulihan. Namun, dengan alasan terbelenggu dengan gaya hidup sonsang dijadikan sebagai asas perluasan, maka banyak isu terbelenggu yang mengapa tidak diambil kira dan menyebabkan hukum Islam itu dilihat tidak konsisten dan menyeluruh. Bahkan, golongan ini berhak menuntut zakat disalurkan kepada mereka secara lansung kerana pada dasarnya mereka berhak menerima zakat sebagaimana orang yang menuntut ilmu menerima zakat. Justeru itu, dalam usaha penafsiran ini, perlu juga disandarkan dengan asas yang kukuh dan sebarang penilaian semula terhadap perluasan ini amat perlu untuk memelihara kelangsungan hukum Islam.

Walaupun *al-riqab* dalam konteks perhambaan tidak lagi wujud pada masa kini, terdapat perbahasan ulama untuk menggunakan bahagian *al-riqab* bagi membebaskan orang Islam dalam tawanan. Situasi ini masih wujud dalam dunia hari ini bahkan ia berkemungkinan wujud pada satu masa kelak. Lantaran itu, peruntukan *al-riqab* boleh digunakan untuk membebaskan tawanan orang Islam yang berada dalam kuasa orang bukan Islam (Muhammad Ra’fat, 2010).

Sekiranya dengan mengecualikan asnaf *al-riqab* pada masa kini, adakah ia boleh diterima dalam wacana fiqh. Pada dasarnya penggunaan zakat untuk membebaskan hamba adalah bermatlamatkan penghapusan sistem penghambaan dalam Islam. Selain itu, pengagihan zakat dianggap sempurna sekiranya tidak wujudnya asnaf tertentu ketika zakat diagihkan. Al-Syirazi (1995) menjelaskan bahawa paling kurang dalam pembahagian zakat adalah kepada tiga golongan asnaf daripada lapan asnaf tersebut. Kerana Allah menyandarkan mereka dalam firmanNya dengan lafaz *jama’* (plural) dan kadar *jama’* yang paling sedikit adalah tiga. Dengan tindakan ini, sistem zakat dapat fokus kepada matlamat utama iaitu membantu golongan yang memerlukan sehingga mereka terkeluar dari masalah ekonomi, selanjutnya mewujudkan umat Islam yang berdaya saing. Memfokuskan kepada golongan fakir dan miskin adalah sesuatu yang dianggap utama, kerana kemiskinan merupakan antara punca gejala sosial yang berlaku pada hari ini (Hasan, 2004; Zainudin & Norazmah, 2011). Ia juga dapat menghilangkan persepsi negatif bahawa kutipan zakat yang banyak namun tidak dapat menyelesaikan masalah kemiskinan.

5. Kesimpulan

Kajian yang mendalam perlu dilakukan dalam perluasan tafsiran asnaf khususnya asnaf *al-riqab*. Prinsip-prinsip fiqh serta kaedah usul fiqh perlu diaplikasi sepenuhnya agar keputusan yang terhasil selaras dengan kehendak syarak. Pengambilkiraan aspek fiqh dan usul fiqh melalui *takhrij al-furu' min al-usul*, *tahqiq al-manat*, *takyif al-fiqhi* dan sebagainya mampu menjadikan keputusan hukum bersifat kukuh dan jauh daripada usaha untuk penyalah tafsiran. Oleh itu, penilaian semula perlu dilakukan dari masa ke semasa demi memastikan pengurusan dan pentadbiran zakat dapat mengatasi masalah umat Islam di samping polemik hukum Islam dapat dikurangkan.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian hasil dari projek penyelidikan BK001-2017 yang bertajuk “Fiqh Kehartaan Malaysia: Konsep dan Amalan” yang merupakan geran Bantuan Kecil Penyelidikan, Universiti Malaya.

Rujukan

- Ahmad Mukhtar U. (2008). *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asarah*. Al-Qahirah: 'Alim al-Kutub.
- Al-Baghawi, H. M. (1989). *Ma'alim al-Tanzil*. al-Riyadh: Dar Tayyibah.
- Al-Bahuti, M. Y. (1997). *Kasyshaf al-Qina' 'An Matn al-Iqna'*. Bayrut: 'Alim al-Kutub.
- Al-Fawzan, S. F. (1423H). *Al-Mulakhkhas al-Fiqhi*. Al-Riyad: al-Riasah Idarah al-Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta'.
- Al-Ghazali (1982). *Asrar al-Zakah*. Bayrut: Mansyurat al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Al-Malibari, A. Z. D. (2004). *Fath al-Ma'in bi Syarh Qurrah al-'Ayn bi Muhimmat al-Din*. Bayrut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Maqdisi, I. Q. (1992). *Al-Mughni*. al-Qahirah, Hajar
- Al-Nawawi, Y. S. (2008). *Al-Majmu'*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- Al-Qurtubi, M. A. (2006). *Al-Jami' li al-Ahkam al-Quran*. Bayrut: Muasasah al-Risalah.
- Al-Razi, F. D. (1981). *Mafatih al-Ghayb*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Al-Syirazi, I. A. (1995). *Al-Muhadhdhab*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tabari, M. J. (2001). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayy al-Quran*. Jizah: Hajar.
- Al-Zarkasyi, M. B. (1992). *Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*. Al-Ghardaqah: Dar al-Safwah.
- Al-Zuhayli, W. (1985). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Dimasyq: Dar al-Fiqh.
- Azman A.R. & Tengku Mansur T. Z. A (2016). “Kedudukan Asnaf al-Riqab dan Cadangan Kaedah Pengaplikasiannya di Negeri Perak.” Dalam *Menelusuri Isu-Isu Kontemporari Zakat*, diedit oleh Razali M. J., Muhsin N. P., Luqman H. A. & Muhammad Ikhlas R., hh. 157-184. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP.
- Hairunnizam W., Sanep A. & Radiah A. K. (2008). “Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati.” Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Hasan B. (2004). “Remaja, Kemiskinan dan Juvana: Suatu Realiti.” Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004), Kedah, 4-6 September 2004, Anjuran Universiti Utara, Malaysia.
- Ibn Kathir, I. (2000). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Jizah: Muasasah Qurtubah.
- Ibn Manzur (2010). *Lisan al-'Arab*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Muhammad Ikhlas R. & Umami Farahin Y. (2018). *Zakat Pertanian, Teori dan Amalan Serta Perspektif al-Qaradawi*. Shah Alam: ARISE Publication.
- Muhammad Ra'fat U. (2010). *Al-Zakat fi al-Amwal*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.

MUHAMMAD IKHLAS ROSELE, LUQMAN HJ. ABDULLAH & AMIRULHAKIM AHMAD
NADZRI

- Mujaini T. (2005) *Golongan Penerima Zakat. Agihan Dana Zakat Secara Lebih Berkesan*. Shah Alam: Penerbit UiTM.
- Rosbi A. R. & Sanep A. (2010). "Pengukuran Keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif Maqasid al-Syariah." Dalam Abdul Ghafar I. et. al. (eds), *Proceedings of Seventh International Conference the Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy*, 447-460. Bangi: UKM.
- Warta Kerajaan Negeri Selangor, Jil. 65, No. 12. Bertarikh 14 Mei 2012, rujuk; MAIS/SU/BUU/05/002/16-7; P.U. Sel. AGM. 0007 Jld. 3.
- Zainudin S. & Norazmah M. R. (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education, Psychology & Caounseling*, 1, 115-140.
- Zaydan, A. K. (1993). *Al-Mufassal min Ahkam al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Bayrut: Muasasah al-Risalah.